



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

KETETAPAN UMUM NO. 11/2017

TARIKH PENERBITAN: 22 DISEMBER 2017



TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

Ketetapan Umum No. 11/2017

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

© 2017 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Kepentingan Taraf Mastautin	1
5. Penentuan Taraf Mastautin	3
6. Keadaan Yang Menentukan Taraf Mastautin	4
7. Dua Taraf Mastautin dan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali	21
8. Pindaan dan Pengemaskinian	21

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baru.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan penentuan taraf mastautin individu.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 7.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2008 [P.U.(A) 351/2008] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 211/2009].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Individu tidak bermastautin" bermaksud seorang individu selain daripada individu bermastautin.
- 3.2 "Individu bermastautin" bermaksud seorang individu yang bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP.

4. Kepentingan Taraf Mastautin

- 4.1 Taraf mastautin untuk tujuan cukai pendapatan

Taraf mastautin adalah suatu persoalan fakta dan merupakan salah satu kriteria utama yang menentukan liabiliti cukai pendapatan Malaysia seseorang individu. Liabiliti cukai ditentukan atas asas setahun ke setahun.

- 4.2 Layanan cukai ke atas individu bermastautin dan tidak bermastautin

Taraf mastautin individu yang dikenakan cukai di Malaysia menentukan sama ada individu dikenakan cukai sebagai pemastautin atau bukan pemastautin di Malaysia. Perbezaan nyata dalam layanan cukai ke atas individu bermastautin atau tidak bermastautin adalah seperti berikut:

**TARAF MASTAUTIN INDIVIDU****LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA****Ketetapan Umum No. 11/2017**
Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
Kadar cukai	Dicukai pada kadar seperti ditetapkan di Perenggan 1, Bahagian I, Jadual 1 ACP.	Dicukai pada kadar seperti ditetapkan di Perenggan 1A, Bahagian I, Jadual 1 ACP.
Pelepasan diri	Berhak menuntut	Tidak berhak menuntut
Rebat	Berhak menuntut rebat di bawah subseksyen 6A(2) ACP jika pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000.	Tidak berhak untuk menuntut.
Cukai pegangan	Penerimaan tertentu mungkin tertakluk kepada cukai pegangan seperti: i) Pengagihan pendapatan daripada amanah pelaburan harta tanah (REITs) (cukai pegangan di bawah seksyen 109D ACP – cukai muktamad); dan ii) Faedah daripada orang seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 109C(4) ACP iaitu: - bank atau bank Islam yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013*; - koperasi berdaftar *; - Bank Simpanan Nasional; - Bank Pertanian Malaysia; - Lembaga Urusan dan Tabung Haji *; - Malaysia Building	Penerimaan tertentu mungkin tertakluk kepada cukai pegangan seperti: i) Faedah ¹ (kecuali yang dikecualikan cukai) (cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP – cukai muktamad); ii) Royalti ² (cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP – cukai muktamad); iii) Gaji atau pendapatan lain berhubung perkhidmatan yang dilakukan di Malaysia oleh penghibur awam (cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP – cukai muktamad); iv) Pendapatan kelas khas ³ di bawah seksyen 4A ACP (cukai pegangan di

**TARAF MASTAUTIN INDIVIDU****LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA****Ketetapan Umum No. 11/2017**
Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
	<p>Society Bhd *; atau - mana-mana institusi lain yang diluluskan oleh Menteri. (cukai pegangan di bawah seksyen 109C ACP – cukai muktamad).</p> <p>*faedah yang diterima dikecualikan cukai di bawah P.U.(A) 211/2009</p>	<p>bawah seksyen 109B ACP – cukai muktamad);</p> <p>v) Bahagian perkhidmatan bayaran kontrak (cukai pegangan di bawah seksyen 107A ACP);</p> <p>vi) Pengagihan pendapatan daripada amanah pelaburan harta tanah⁴ (REITs) dikecualikan di bawah seksyen 61A ACP (cukai pegangan di bawah seksyen 109D ACP – cukai muktamad);</p> <p>vii) Pengagihan pendapatan dana keluarga, <i>re-takaful</i> keluarga atau dana am di bawah seksyen 60AA ACP 1967 (cukai pegangan di bawah seksyen 109E ACP); dan</p> <p>viii) Pendapatan lain⁵ yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP (cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP – cukai muktamad).</p>

¹⁻⁵ Rujukan perlu dibuat kepada perjanjian pengelakan pencukaian dua kali
untuk sebarang perbezaan dalam kadar cukai, jika berkaitan.



5. Penentuan Taraf Mastautin

- 5.1 Pada amnya, taraf mastautin bagi tahun asas untuk suatu TT ditentukan dengan merujuk kepada kehadiran fizikal individu itu di Malaysia dan bukan berdasarkan kerakyatan atau kewarganegaraannya. Dalam keadaan tertentu, kehadiran fizikal bagi tahun-tahun asas sebelum atau selepas suatu TT perlu juga diambil kira dalam penentuan taraf mastautin individu.
- 5.2 Jika individu tinggal di Malaysia secara tetap, persoalan bagi menentukan taraf mastautinnya tidak akan timbul. Walau bagaimanapun, seorang warganegara Malaysia bukan secara automatik seorang pemastautin bagi tujuan pencukaian. Kaedah yang menetapkan penentuan taraf mastautin masih terpakai.
- 5.3 Dalam menentukan taraf mastautin, seorang individu dianggap berada di Malaysia secara fizikal bagi satu hari penuh walaupun beliau berada di Malaysia untuk sebahagian daripada sehari.

Contoh 1

Damien, seorang akauntan kanan di sebuah syarikat induk di Australia telah dihantar oleh majikannya untuk memeriksa dan membantu dalam akaun cawangan syarikat di Malaysia. Tempoh berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tarikh Tiba	Tarikh Keluar	Bilangan Hari
1.1.2017 (11 malam)	11.1.2017 (2 pagi)	11

Damien berada di Malaysia pada tahun 2017 selama 11 hari.

6. Keadaan yang Menentukan Taraf Mastautin

Terdapat 4 keadaan yang mana seorang individu layak sebagai pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu TT. Jika individu tidak terjatuh dalam salah satu daripada 4 kategori tersebut, maka individu itu bukan pemastautin untuk tahun asas itu.

- 6.1 Berada di Malaysia untuk 182 hari atau lebih dalam suatu tahun asas [Perenggan 7(1)(a) ACP]


Jika seorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu TT bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 182 hari atau lebih, individu itu adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas itu.

Contoh 2

Marion Woo, penyelidik vitikultur dari China berada di Malaysia untuk menjalankan projek penyelidikan. Tempoh beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia	Bilangan Hari
1.3.2017 - 30.09.2017	214

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:



Marion bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2017 kerana beliau berada di Malaysia untuk tempoh yang melebihi 182 hari dalam tahun 2017.


Contoh 3

Josephine, seorang pengatur cara komputer bebas yang berbakat dari Amerika Syarikat (USA) berada di Malaysia untuk menjalankan kerja kontrak bagi sebuah syarikat multinasional. Tempoh beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia	Bilangan Hari
1.3.2017 - 30.6.2017	122
1.8.2017 - 30.9.2017	61

$122 + 61 = 183$

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:



Josephine bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2017 keranabeliau berada di Malaysia untuk tempoh-tempoh yang melebihi 182 hari pada tahun 2017.

Nota:


Tempoh berada di Malaysia tidak semestinya hari yang berturutan.

Contoh 4

Aniq, seorang peniaga dari China berada di Malaysia untuk mempromosikan penjualan produknya di suatu pesta perdagangan antarabangsa di Kuala Lumpur. Tempoh beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia	Bilangan Hari
1.10.2017 - 31.10.2017	31 hari

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:



Bukan pemastautin (<182 hari)

Aniq bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2017 kerana tempoh beliau berada di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam tahun 2017.

- 6.2 Berada di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam tahun asas [Perenggan 7(1)(b) ACP]

6.2.1 Jika seorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu TT tertentu bagi tempoh kurang daripada 182 hari tetapi tempoh itu bersambung dengan atau kepada:

- i) suatu tempoh 182 hari atau lebih berturut-turut di mana sepanjang tempoh itu beliau berada di Malaysia dalam tahun asas untuk TT sebelum TT yang tertentu itu; atau
- ii) suatu tempoh 182 hari atau lebih berturut-turut di mana sepanjang tempoh itu beliau berada di Malaysia dalam tahun asas untuk TT sebaik selepas TT tertentu itu



individu itu layak sebagai pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT tertentu itu.

- 6.2.2 Dalam mengira tempoh yang kurang daripada 182 hari atau tempoh 182 hari atau lebih yang berturut-turut, kelonggaran diberi di mana tempoh ketiadaan sementara (tempoh individu tidak berada di Malaysia) boleh dianggap sebagai sebahagian daripada:
- tempoh kurang daripada 182 hari; dan/atau
 - tempoh 182 hari atau lebih yang berturut-turut,
- dengan syarat individu mesti berada di Malaysia sebelum dan selepas tempoh ketiadaan sementara.
- 6.2.3 Ketiadaan sementara yang dibenarkan adalah –
- ketiadaan yang bersangkutan dengan perkhidmatan individu di Malaysia seperti menghadiri persidangan atau seminar atau belajar di luar negeri;
 - ketiadaan atas sebab kesihatan individu atau ahli keluarga yang terdekat (keluarga terdekat bermaksud ibu bapa, pasangan dan anak); dan
 - ketiadaan berhubung lawatan sosial yang tidak melebihi 14 hari kesemuanya (lawatan sosial merangkumi sebarang bentuk percutian di luar Malaysia termasuk percutian di negara asal).

Contoh 5

Marshall, seorang doktor perubatan berada di Malaysia untuk memenuhi kontrak dengan sebuah hospital swasta. Tempoh beliau berada di Malaysia dan United Kingdom (UK) adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/UK	Bilangan Hari
15.5.2016 - 23.12.2016 (Malaysia)	223
24.12.2016 - 31.12.2016 (UK)	8 (lawatan sosial)
1.1.2017 - 2.1.2017 (UK)	2 (lawatan sosial)
3.1.2017 - 31.3.2017 (Malaysia)	88

Marshall meninggalkan Malaysia pada 1.4.2017.

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2016		Tahun 2017		
UK	Malaysia	UK	Malaysia	UK
134 hari	223 hari	10 hari	88 hari	275 hari
↓	↓	↓	↓	↓
1.1.2016	24.12.2016	2.1.2017	31.12.2017	

Ketiadaan sementara
Pemastautin TT 2017

Marshall adalah pemastautin di Malaysia untuk TT 2017 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 88 hari pada tahun 2017 (tempoh itu), yang bersambung dengan tempoh melebihi 182 hari berturut-turut dalam tahun 2016 (tempoh berkenaan), dimana sepanjang tempoh berkenaan beliau dianggap berada di Malaysia walaupun beliau tiada buat sementara selama 10 hari atas lawatan sosial. Ketiadaan sementara beliau dianggap sebahagian tempoh itu dan tempoh berkenaan kerana lawatan sosial tidak melebihi 14 hari dan beliau berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.

Contoh 6

Nari Jong, seorang rakyat Korea Selatan tiba di Malaysia pada 5.1.2017 untuk memenuhi kontrak penggajian yang berakhir pada 4.1.2018. Tempoh beliau berada di Malaysia dan Korea Selatan adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/Korea Selatan	Bilangan Hari
5.1.2017 - 23.12.2017 (Malaysia)	353
24.12.2017 - 31.12.2017 (Korea Selatan)	8
1.1.2018 - 4.1.2018 (Korea Selatan)	4

Nari Jong meninggalkan Malaysia pada 23.12.2017 dan tidak kembali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

Ketetapan Umum No. 11/2017

Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2017		Tahun 2018	
	Malaysia	Korea Selatan	Korea Selatan
	353 hari	12 hari	361 hari

↓ ↓ ↓

5.1.2017 24.12.2017 4.1.2018
(kontrak penggajian tamat)

↓

Bukan pemastautin TT 2018

Nari Jong adalah pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2017 kerana beliau berada di Malaysia untuk tempoh yang melebihi 182 hari. Walau bagaimanapun, beliau bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2018 sebab beliau tidak berada secara fizikal di Malaysia pada tahun 2018.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti Contoh 6 kecuali Nari Jong pulang ke Malaysia pada 4.1.2018.

Tempoh Tinggal di Malaysia/Korea Selatan	Bilangan Hari
5.1.2017 - 23.12.2017 (Malaysia)	353
24.12.2017 - 31.12.2017 (Korea Selatan)	8
1.1.2018 - 3.1.2018 (Korea Selatan)	3
4.1.2018 - 6.1.2018 (Malaysia)	3

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2017		Tahun 2018		
	Malaysia (M'sia)	Korea Selatan	M'sia	Korea Selatan
	353 hari	11 hari	3 hari	359 hari
5.1.2017		24.12.2017		6.1.2018
			4.1.2018	
				Ketiadaan sementara
				Pemastautin TT 2018


Nari Jong adalah pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2018 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 3 hari pada tahun 2018 (tempoh itu), yang bersambung dengan tempoh melebihi 182 hari berturut-turut pada tahun 2017 (tempoh berkenaan di mana sepanjang tempoh berkenaan beliau dianggap berada di Malaysia walaupun beliau tiada sementara selama 11 hari atas lawatan sosial. Ketiadaan sementara dianggap sebahagian tempoh itu dan tempoh berkenaan kerana lawatan sosial beliau tidak melebihi 14 hari dan beliau berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.

Contoh 8

Jenner, seorang penyelidik dari Amerika Syarikat (USA) berada di Malaysia, Singapura dan USA seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/Singapura/USA	Bilangan Hari
1.12.2016 - 22.12.2016 (Malaysia)	22
23.12.2016 - 28.12.2016 (Singapura)	6 (lawatan sosial)
29.12.2016 - 29.12.2016 (Malaysia)	1
30.12.2016 - 31.12.2016 (USA)	2 (lawatan sosial)
1.1.2017 - 10.1.2017 (USA)	10 (lawatan sosial)
11.1.2017 - 31.12.2017 (Malaysia)	355

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:



Jenner adalah pemastautin di Malaysia pada tahun asas TT 2016 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 1 hari (29.12.2016) dalam tahun 2016 (tempoh itu), yang bersambung kepada tempoh melebihi 182 hari berturut-turut dalam tahun 2017 (tempoh berkenaan), di mana sepanjang tempoh berkenaan Jenner dianggap berada di Malaysia walaupun beliau tiada sementara selama 12 hari atas lawatan sosial. Ketiadaan sementara dianggap sebahagian dari tempoh itu dan tempoh berkenaan kerana lawatan sosial tidak melebihi 14 hari dan Jenner berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.

Contoh 9

Hideki, seorang profesor universiti dari negara Jepun memulakan penggajiannya pada 10.9.2016 di universiti tempatan di Malaysia. Tempoh beliau berada di Malaysia dan Jepun adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/Jepun	Bilangan Hari
10.9.2016 - 14.12.2016 (Malaysia)	96
15.12.2016 - 31.12.2016 (Jepun)	17 (lawatan sosial)
1.1.2017 - 3.1.2017 (Jepun)	3 (lawatan sosial)
4.1.2017 - 31.12.2017 (Malaysia)	362

Situasi ini diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2016		Tahun 2017	
Jepun	Malaysia	Jepun	Malaysia
252 hari	96 hari	20 hari	362 hari
1.1.2016	15.12.2016	3.1.2017	31.12.2017
Bukan pemastautin TT 2016		Lawatan sosial (> 14 hari)	

Hideki adalah bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2016 disebabkan beliau berada di Malaysia hanya selama 96 hari pada tahun 2016 dan tempoh itu tidak bersambung kepada tempoh yang lebih daripada 182 hari pada tahun 2017 memandangkan lawatan sosialnya melebihi 14 hari.

Contoh 10

Fakta adalah sama seperti di Contoh 9 kecuali Hideki meninggalkan Malaysia pada 17.12.2016 dan kembali semula ke Malaysia pada 1.1.2017.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2016			Tahun 2017	
Jepun	Malaysia	Jepun	Malaysia	
252 hari	99 hari	14 hari	365 hari	
1.1.2016	18.12.2016	31.12.2016	31.12.2017	
Pemastautin TT 2016		ketidaaan sementara		



Hideki adalah pemastautin di Malaysia pada tahun asas untuk TT 2016 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 99 hari dalam tahun 2016 (tempoh itu), yang bersambung kepada tempoh melebihi 182 hari berturut-turut dalam tahun 2017 (tempoh berkenaan), di mana sepanjang tempoh berkenaan Hideki berada di Malaysia. Ketiadaan sementara dianggap sebahagian tempoh itu kerana lawatan sosial tidak melebihi 14 hari dan Hideki berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.

Nota:

Jika Hideki meninggalkan Malaysia untuk satu lagi lawatan sosial yang tidak melebihi 14 hari dalam tempoh dari 1.1.2017 hingga 1.7.2017, maka Hideki tidak berada di Malaysia untuk tempoh melebihi 182 hari berturut-turut dalam tahun 2017. Ketiadaan sementara dalam tahun 2017 tidak menjadi sebahagian daripada tempoh 182 hari atau lebih berturut-turut dalam tahun 2017 kerana had tempoh 14 hari telah digunakan dalam tahun 2016. Dalam situasi seperti ini, Hideki tidak dianggap sebagai pemastautin di Malaysia untuk TT 2016.

6.3 Berada di Malaysia untuk 90 hari atau lebih
[Perenggan 7(1)(c) ACP]

6.3.1 Jika seorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk TT tertentu bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih (tidak perlu hari yang berturut-turut), individu adalah pemastautin untuk TT tertentu itu jika pada mana-mana 3 daripada 4 TT sebaik sebelum TT tertentu itu beliau:

- i) adalah pemastautin mengikut seksyen 7 ACP 1967; atau
- ii) berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih.

Contoh 11

Jeanette, seorang pengarah pengiklanan dari Singapura berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2013	1.5.2013 - 23.11.2013	207
2014	1.5.2014 - 20.5.2014	20
2015	1.1.2015 - 30.9.2015	273
2016	1.3.2016 - 30.10.2016	244



TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 11/2017
Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2017	1.1.2017 - 20.2.2017 1.4.2017 - 31.5.2017	51] 61 ↘ 112

Taraf mastautin Jeanette adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2013	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2014	Bukan pemastautin	-
2015	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2016	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2017	Pemastautin	7(1)(c)(i) ACP

Untuk tahun asas 2017, Jeanette adalah pemastautin di Malaysia mengikut subperenggan 7(1)(c)(i) ACP kerana-

- i. beliau berada di Malaysia untuk tempoh-tempoh yang berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2017 (112 hari); dan
- ii. untuk 3 daripada 4 tahun asas sebelum, beliau adalah pemastautin mengikut seksyen 7 ACP (tahun asas 2013, 2015 dan 2016).

Contoh 12

Watson, seorang pemuzik dari Polland berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2013	1.10.2013 - 15.10.2013	15
2014	1.3.2014 - 31.3.2014 1.5.2014 - 30.6.2014	31] 61 ↘ = 92
2015	1.4.2015 - 15.7.2015	106
2016	1.10.2016 - 31.12.2016	92
2017	1.8.2017 - 30.11.2017	122

Taraf mastautin Watson adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2013	Bukan pemastautin	-
2014	Bukan pemastautin	-



TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 11/2017
Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2015	Bukan pemastautin	-
2016	Bukan pemastautin	-
2017	Pemastautin	7(1)(c)(ii) ACP

Untuk tahun asas 2017, Watson adalah pemastautin di Malaysia mengikut subperenggan 7(1)(c)(ii) ACP kerana—

- i. beliau berada di Malaysia bagi tempoh berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2017 (122 hari); dan
- ii. untuk 3 daripada 4 tahun asas sebelum, beliau berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh berjumlah 90 hari atau lebih (tahun asas 2014, 2015, 2016).

6.3.2 Seorang individu tidak perlu menjadi pemastautin di Malaysia untuk semua 3 daripada 4 tahun asas sebaik sebelumnya atau berada di Malaysia selama 90 hari atau lebih bagi semua 3 daripada 4 tahun asas sebelum. Adalah memadai jika individu itu adalah pemastautin untuk 2 daripada tahun asas tersebut dan berada di Malaysia selama 90 hari atau lebih dalam satu daripada tahun asas itu atau sebaliknya.

Contoh 13

Oliver, seorang tukang masak professional dari Itali berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2013	1.5.2013 - 20.5.2013	20
2014	1.1.2014 - 31.12.2014	365
2015	1.1.2015 - 21.1.2015	21
2016	1.6.2016 - 31.8.2016	92
2017	1.1.2017 - 30.4.2017	120

Taraf mastautin Oliver adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2013	Bukan pemastautin	-
2014	Pemastautin	7(1)(a) ACP -
2015	Pemastautin	7(1)(b) ACP
2016	Bukan pemastautin	-
2017	Pemastautin	7(1)(c) ACP

Untuk tahun asas 2017, Oliver adalah pemastautin di Malaysia mengikut perenggan 7(1)(c) ACP kerana:

- i. beliau berada di Malaysia bagi tempoh berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2017 (120 hari); dan
- ii. dalam 3 daripada 4 tahun asas sebelum, beliau adalah pemastautin (tahun asas 2014 dan 2015 dan berada di Malaysia untuk lebih daripada 90 hari (tahun asas 2016).

6.3.3 Jika seorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk TT tertentu bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih (hari tidak perlu berturut-turut), individu adalah pemastautin untuk TT tersebut sekiranya individu itu samada seorang pemastautin atau berada di Malaysia selama 90 hari atau lebih dalam setiap 3 TT sebelum TT yang berkenaan.

Contoh 14

Lennard, seorang pakar geologi dari United Kingdom berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2013	Tidak berada di Malaysia	-
2014	1.5.2014 - 31.12.2014	245
2015	1.1.2015 - 31.12.2015	365
2016	1.1.2016 - 30.4.2016 1.6.2016 - 1.8.2016	121] 62 ↓ = 183
2017	1.1.2017- 1.4.2017	91

Taraf mastautin Lennard adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2013	Bukan pemastautin	-
2014	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2015	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2016	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2017	Pemastautin	7(1)(c) ACP

Untuk tahun asas 2017, Lennard adalah pemastautin di Malaysia mengikut perenggan 7(1)(c) ACP sebab:

- i. beliau berada di Malaysia bagi tempoh berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2017 (91 hari); dan
- ii. dalam 3 daripada 4 tahun asas sebaik sebelumnya, beliau adalah pemastautin (tahun asas 2014, 2015 dan 2016).

Contoh 15

Hadid, seorang penganalisa komputer dari India berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2014	1.3.2014 - 10.12.2014	285
2015	16.3.2015 - 31.5.2015 1.6.2015 - 25.8.2015 28.10.2015 - 31.12.2015	77 86 65 = 228
2016	1.6.2016 - 1.7.2016 15.9.2016 - 5.12.2016	61 82 = 143
2017	1.2.2017 - 15.5.2017	104

Taraf mastautin Hadid adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2014	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2015	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2016	Bukan pemastautin	-
2017	Pemastautin	7(1)(c) ACP

Untuk tahun asas 2017, Hadid adalah pemastautin di Malaysia mengikut perenggan 7(1)(c) ACP sebab:

- i. beliau berada di Malaysia bagi tempoh berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2017 (104 hari); dan
- ii. dalam 3 tahun asas sebelum, beliau adalah pemastautin (tahun asas 2014 dan 2015) dan berada di Malaysia untuk lebih daripada 90 hari (tahun asas 2016).

6.4 Tidak berada di Malaysia atau berada di Malaysia untuk tempoh kurang daripada 90 hari dalam tahun asas
[Perenggan 7(1)(d) ACP]

Seorang individu dianggap bermastautin bagi tahun asas untuk suatu TT sekiranya individu itu bermastautin untuk tahun asas yang berikutnya dan juga



TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 11/2017
Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

3 tahun asas sebaik sebelumnya. Oleh itu, individu boleh menjadi pemastautin di Malaysia di bawah perenggan 7(1)(d) ACP walaupun individu itu langsung tidak berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut.

Contoh 16

Rasputin, seorang pensyarah dari Russia berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2013	11.10.2013 - 31.12.2013	82
2014	1.1.2014 - 31.12.2014	365
2015	1.1.2015 - 30.9.2015	274
2016	1.4.2016 - 4.4.2016	4
2017	1.4.2017 - 31.12.2017	275

Taraf mastautin Rasputin adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2013	Pemastautin	7(1)(b) ACP
2014	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2015	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2016	Pemastautin	7(1)(d) ACP
2017	Pemastautin	7(1)(a) ACP

Untuk TT 2016, Rasputin adalah pemastautin di Malaysia walaupun tempoh berada di Malaysia hanya 4 hari kerana beliau adalah:

- i. pemastautin pada tahun asas 2017, iaitu tahun asas berikut; dan
- ii. pemastautin untuk setiap tahun bagi 3 tahun asas sebaik sebelumnya iaitu 2013, 2014 dan 2015.

Contoh 17

Andy Chou, seorang akauntan dari Hong Kong berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bilangan Hari
2013	1.1.2013 - 31.10.2013	304
2014	1.1.2014 - 31.12.2014	365
2015	1.1.2015 - 21.1.2015	21

**TARAF MASTAUTIN INDIVIDU****LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA****Ketetapan Umum No. 11/2017**
Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017

2016	Tidak berada di Malaysia	-
2017	15.5.2017 - 23.12.2017	223

Taraf mastautin Andy Chou adalah seperti berikut:

Tahun Asas	Taraf Mastautin	Perenggan
2013	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2014	Pemastautin	7(1)(a) ACP
2015	Pemastautin	7(1)(b) ACP
2016	Pemastautin	7(1)(d) ACP
2017	Pemastautin	7(1)(a) ACP

Walaupun Andy Chou tidak berada di Malaysia dalam tahun asas 2016, beliau adalah pemastautin di Malaysia untuk tahun asas itu sebab beliau adalah –

- i. pemastautin bagi tahun asas 2017, iaitu tahun asas berikut; dan
- ii. pemastautin untuk setiap tahun bagi 3 tahun asas sebelum iaitu 2013, 2014 dan 2015.

6.5 Warganegara Malaysia yang digaji dalam perkhidmatan awam/badan berkanun
[Subseksyen 7(1B) ACP]

Seorang warganegara Malaysia dianggap sebagai pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT tertentu jika beliau:

- i) digaji dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan badan berkanun di Malaysia; dan
- ii) tidak berada di Malaysia pada mana-mana hari dalam tahun asas untuk TT tertentu itu disebabkan -
 - a) mempunyai atau menjalankan pengajian beliau di luar Malaysia; atau
 - b) menghadiri sebarang kursus pengajian di mana-mana institusi atau badan profesional di luar Malaysia yang dibiayai sepenuhnya oleh majikan.

Contoh 18

Ikmal, seorang duta Malaysia ke Amerika Syarikat (USA) berada di Malaysia/USA untuk tempoh berikut:



Tempoh Tinggal di Malaysia/USA	Bilangan Hari
1.1.2016 - 31.12.2016 (USA)	365
1.1.2017 - 15.1.2017 (Malaysia)	15
16.1.2017 - 31.12.2017 (USA)	350

Untuk TT 2016 dan 2017, Ikmal dianggap bermastautin di Malaysia mengikut subseksyen 7(1B) ACP kerana beliau:

- i. adalah warganegara Malaysia;
- ii. digaji dalam perkhidmatan awam di Malaysia; dan
- iii. menjalankan penggajian di luar Malaysia disebabkan oleh penggajiannya yang memerlukan beliau menjalankan tugas di luar negara.

Contoh 19

Zalikha, seorang warganegara Malaysia berkahwin dengan rakyat Perancis dalam tahun 2012. Sejak berkahwin, Zalikha tinggal di Perancis dan hanya melawat keluarga di Malaysia bagi tempoh kurang 2 minggu setiap tahun. Apabila pejabat perwakilan pelancongan Malaysia di Perancis memerlukan seorang penterjemah bahasa Perancis, Zalikha memohon jawatan tersebut dan telah diambil bekerja pada 1.3.2017.

Untuk TT 2017 dan tahun berikut, Zalikha tidak dianggap sebagai pemastautin di Malaysia walaupun beliau adalah warganegara Malaysia dan bekerja dengan agensi kerajaan Malaysia di Perancis. Ini adalah kerana beliau diambil bekerja di Perancis dan tidak dianggap sebagai berkhidmat dengan perkhidmatan awam atau badan berkanun di Malaysia.

Contoh 20

Johan, seorang warganegara Malaysia adalah pekerja Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. Beliau dihantar ke Chengdu, China untuk berkhidmat di pejabat perwakilan sebagai pesuruhjaya perdagangan. Beliau berada di Malaysia/China untuk tempoh berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/China	Bilangan Hari
1.1.2016 - 31.5.2016 (Malaysia)	152
1.6.2016 - 31.12.2016 (China)	214
1.1.2017 - 31.12.2017 (China)	365



Untuk TT 2016 dan 2017, Johan dianggap pemastautin di Malaysia mengikut subseksyen 7(1B) ACP kerana beliau:

- i. adalah warganegara Malaysia;
- ii. digaji dalam perkhidmatan badan berkanun di Malaysia; dan
- iii. menjalankan penggajian di luar Malaysia kerana beliau diperlukan oleh majikannya, sebuah badan berkanun di Malaysia, untuk bekerja di negara China.

Contoh 21

Imran, seorang pegawai Kementerian Pelancongan bercuti belajar untuk mengikuti kursus MBA di United Kingdom (UK). Beliau dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Tempoh beliau berada di Malaysia dan UK adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/UK	Bilangan Hari
1.1.2016 - 1.4.2016 (Malaysia)	92
2.4.2016 - 31.12.2016 (UK)	274
1.1.2017 - 31.12.2017 (UK)	365

Untuk TT 2016 dan 2017, Imran dianggap sebagai pemastautin di Malaysia mengikut subseksyen 7(1B) ACP kerana beliau:

- i. adalah warganegara Malaysia;
- ii. digaji dalam perkhidmatan awam di Malaysia; and
- iv. menghadiri kursus di luar Malaysia yang dibiayai sepenuhnya oleh majikannya, Kerajaan Malaysia.

Contoh 22

Elizabeth Yow, seorang warganegara Malaysia bekerja di sebuah syarikat multinasional di Kuala Lumpur. Selepas bekerja beberapa tahun, beliau mendapat pembayaran penuh daripada majikannya untuk mengikuti kursus ijazah sarjana muda di Australia. Tempoh beliau berada di Malaysia dan Australia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal di Malaysia/Australia	Bilangan Hari
1.1.2016 - 30.11.2016 (Australia)	334
1.12.2016 - 31.12.2016 (Malaysia)	31



1.1.2017 - 10.2.2017 (Malaysia)	41
11.2.2017 - 31.12.2017 (Australia)	324

Untuk tahun taksiran 2016 dan 2017, taraf mastautin Elizabeth Yow ditentukan mengikut subseksyen 7(1) ACP. Subseksyen 7(1B) ACP tidak terpakai kerana Elizabeth Yow bukan merupakan kakitangan perkhidmatan awam atau badan berkanun di Malaysia.

Elizabeth Yow bukan pemastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2016 dan 2017 mengikut subseksyen 7(1) ACP.

7. Dua Taraf Mastautin dan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali

- 7.1 Malaysia telah memasuki perjanjian dengan beberapa negara untuk mengelakkan pencukaian dua kali dengan memperuntukkan hak mencukai atas aliran pendapatan dua hala di antara negara pejanji yang berkenaan.
- 7.2 Individu yang merupakan pemastautin di salah satu negara bagi suatu tahun asas boleh juga menjadi pemastautin negara lain untuk tujuan perjanjian pencukaian dua kali. Di mana individu merupakan pemastautin kedua-dua negara, perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) pada umumnya mengandungi ujian pemutus untuk menentukan taraf mastautin di salah satu negara sahaja bagi tujuan perjanjian.
- 7.3 Artikel 4 PPPDK Malaysia menyatakan ujian untuk menentukan taraf mastautin dan pemutus untuk kes bermastautin di dua negara. Ujian pemutus memperuntukkan bahawa pemastautin di dua negara dilayan hanya sebagai pemastautin salah satu negara pejanji untuk tujuan perjanjian tersebut. Syarat-syarat PPPDK yang berkaitan harus dirujuk apabila menentukan liabiliti cukai. Walau bagaimanapun, taraf mastautin Malaysia masih digunakan untuk tujuan pemakaian am undang-undang domestik supaya pendapatan individu kekal tertakluk kepada cukai Malaysia.

8. Pengemaskinian dan Pindaan

KU No. 6/2011 dikemaskini dan perenggan-perenggan serta contoh-contoh baru telah dimasukkan seperti berikut:

Pindaan			
KU ini menggantikan KU No. 6/2011 bertarikh 16.5.2011.	Kandungan KU ini adalah hampir sama dengan KU yang terdahulu dengan pindaan seperti berikut:		
	<table border="1"><tr><td>Perenggan</td><td>Penjelasan</td></tr></table>	Perenggan	Penjelasan
Perenggan	Penjelasan		

**TARAF MASTAUTIN INDIVIDU****LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA****Ketetapan Umum No. 11/2017****Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2017**

	2.3	Perenggan baharu ini dimasukkan untuk menyatakan peruntukan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam perenggan 4.2 dalam KU ini.
	4.2	Perkataan ‘Jadual 1’ dimasukkan ke dalam jadual di bawah item ‘Kadar Cukai’.
		Item ‘Cukai pegangan’ di bawah ruangan ‘Bermastautin’ di dalam jadual dipindah kerana pindaan yang dibuat ke atas subseksyen 109C(4) ACP oleh Akta Kewangan 2017 [Akta 785] yang berkuatkuasa mulai 30.6.2013 dan juga untuk memberikan penjelasan berkenaan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 211/2009] berkenaan faedah yang diterima oleh seorang yang bermastautin.
	6.2.4	Perenggan 6.2.4 dalam KU yang terdahulu telah dipotong.
	6.3.3, Contoh 14 and 15	Perenggan dan contoh-contoh baru ini dimasukkan untuk memberikan penjelasan lanjut berkenaan perenggan 7(1)(c) ACP.
	Contoh 14, 15, 16, 17, 18, 19 and 20	Contoh-contoh 14, 15, 16, 17, 18, 19 and 20 yang terdahulu dinomborkan semula sebagai Contoh-contoh 16, 17, 18, 19, 20, 21 and 22.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**